

Kutip 600kg sampah dalam tempoh dua jam

Tindakan tegas perlu dikuatkuasakan kepada individu cemar Sungai Selangor

KUALA SELANGOR – Penguatkuasaan undang-undang terhadap individu yang membuang sampah ke dalam sungai perlu diperketat bagi menyelesaikan isu pencemaran sungai yang tiada kesudahan di Sungai Selangor.

Pengerusi Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Shahrill Adlan Ahmad berkata, pencemaran sampah di sungai terutamanya di Kampung Kuantan menjadi isu hangat yang berpanjangan.

Menurutnya, pelancong yang berkunjung ke Kompleks Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan sering bertanyakan mengenai isu sampah yang memenuhi kawasan sungai.

“Kadang-kadang malu juga bila pelancong datang ke kawasan sungai dan nampak banyak sampah. Memang tak nafikan sampah yang berselerak di tepi sungai mencaatkan pemandangan.

“Lambakan sampah pun bertambah setiap tahun berikutan sikap segelintir pihak tidak bertanggungjawab,” katanya.

Shahrill Adlan berkata, perangkap sampah turut dicadangkan dapat dipasang di kawasan tertentu selain melantik individu menjalankan kerja pembersihan sungai.

“Ini kerana perlu ada tindakan drastik pihak berwajib bagi membantu menyelesaikan masalah pencemaran sungai selain me-



Lambakan sampah memenuhi Sungai Selangor sekali gus menjejaskan kawasan tumpuan pelancong di Kampung Kuantan.

nguatkuasakan undang-undang bagi memantau isu ini,” katanya pada Program Pembersihan Sungai Selangor anjuran Kelab Alami Kawa dan Hartalega dengan kerjasama Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kelab Generasi Warisan Seri Asahan, Rimba Trekkers, Majlis Daerah Kuala Selangor, Universiti Malaya, Water Warriors, Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor dan St John Ambulans Malaysia.

Sebanyak 600 kilogram (kg) sampah berjaya dikutip dalam tempoh dua jam oleh lebih 150 sukarelawan di kawasan perairan Kampung Kuantan menggunakan 32 sam-

pan dan tiga bot.

Sementara itu, fasilitator Kelab Alami Kawa dan Water Warriors, Siti Norasiah Abd Kadir berkata, sukarelawan diajar mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula bagi memudahkan proses kitar semula dan mengaudit sampah dengan mengira dan mencatat jumlah setiap sampah dikutip.

Ketua Hal Ehwal Komuniti Hartalega, Mohd Ridzuan Kunjan berkata, program yang diadakan itu bertujuan membentuk satu jalinan kerjasama antara komuniti serta pihak berkepentingan dalam memupuk kepentingan kebersihan sungai.